

SEMINAR MEMPERINGATI 100 TAHUN TOK JANGGUT

19 - 20 OKTOBER 2015

TOK JANGGUT: CITRA WIRA BANGSA MELAYU YANG DITUDUH PENDERHAKA

Oleh: Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar

Pusat Warisan dan Peradaban Melayu

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

Sinopsis:

Tok Janggut adalah wira bangsa Melayu yang terbunuh pada tahun 1915 dalam pertempuran menentang British yang masuk campur dan mengenakan cukai pertanian yang tidak munasabah terhadap penduduk di Pasir Putih, Kelantan. Perjuangan Tok Janggut ini dituduh oleh British sebagai penderhaka. Tuduhan ini disangkal keras oleh pejuang-pejuang, pengkaji sejarah dan penyair tanahair yang menafsirkan dalam konteks sejarah kebangsaan Malaysia. Hakikatnya, Tok Janggut dan pengikutnya yang menentang British dianggap sebagai wira bangsa yang cintakan agama, bangsa dan tanahair di bumi Melayu ini. Bagi menghargai jasa terbesar Tok Janggut, kertas kerja ini memfokuskan kepada peranan penyair tanahair yang menghargai sumbangan dan jasa Tok Janggut sebagai wira bangsa dalam sejarah Gerakan Kebangsaan Malaysia menentang British di bumi Kelantan.

Rahimidin Zahari dalam puisinya bertajuk Episod Pendek Sumpah Tok Janggut turut (Antologi Puisi Pada Saat Sumpah Kaku Papah), hal, 37) tetap menegaskan bahawa Tok janggut tetap setia kepada kepada sultan dan berjuang demi kepentingan rakyat, agama dan tahan air seperti katanya;

Maafkan hamba
Tuanku Sultan
Hamba tahu Tuanku tertekan
Sehingga sanggup mengistiharkan
Hamba derhaka
Sehingga harga diri dan nyawa
Memakin berharga

Kubebaskan Pasir Puteh
Kuistiharkan Ungku Besar
Sebagai Raja
Dan diriku ini
Sebagai Perdana Menteri
Demi membangkitkan semangat
Menentang penjajah

Tuanku, Sultan
Hamba bukan penderhaka
Kerana bukan Tuanku
Yang hamba tentang
Tetapai Langham – Carter
Adviser Celaka
Dan bahlol Latiff dari Singapura

Abdul Latif Abu Bakar pula dalam puisinya, “Wasiat Tok Janggut Kelantan” mengingatkan wasiat Tok Janggut, antaranya :

Kita mesti jujur
Dan berani menegakkan keadilan
Kita mesti setia kepada Yang Dipertuan Sultan
Kita jangan mudah mengalah
Tanamkan semangat kepahlawanan
Pahlawan menunut keadilan
Pahlawan yang sanggup berkorban
Pahlawan yang tegas demi rakyat
Membela nasib bangsa melayu

Kita dipaksa tabik kepada Inggeris
Penjajah yang ingin menguasai
Memperluaskan pengaruhnya
Mengaut kekayaan di bumi melayu

Kita dipaksa tabik kepada Inggeris
Pejanjah yang ingin menguasai
Memperluaskan pengaruhnya
Mengauti kekayaan di bumi Melayu

Sebagai kesimpulan, dapatlah kita meletakkan perjuangan Tok Janggut sebagai anak jantan Kelantan yang berani, mempunyai semangat juang yang tinggi demi rakyat, agama dan tanah air di negeri Kelantan, dan negeri melayu di Rumpun Melayu bagi meneruskan kelangsungan memartabatkan Warisan Peradaban Melayu yang sungguh murni, Tok Janggut tetap di kenang dan mengukir sejarah Malaysia sebagai Wira bangsa Melayu yang patriotik dan bukan sebagai penderhaka mengikut kaca mata penajajah Barat.

Sekian, terima kasih